

06 JUL 1998

Ismail-Kenangan

TUN ISMAIL BEKERJA KERAS HINGGA KE AKHIR HAYAT

KUALA LUMPUR, 6 Julai (Bernama) -- Bekas Gabenor Bank Negara Tun Ismail Mohamed Ali yang meninggal dunia hari ini akan diingati sebagai seorang yang bekerja gigih hingga ke akhir hayat.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah ialah adik Tun Ismail berkata beliau ialah seorang pekerja yang bekerja kuat dan tidak pernah berhenti daripada menyempurnakan tugas yang diamanahkan sehinggalah hari beliau meninggal dunia.

"Beliau seorang yang tegas," kata Dr Mahathir ketika ditemui selepas memberi penghormatan terakhir kepada allahyarham di kediamannya di Jalan Taman U Thant di sini.

Bekas Menteri Kewangan Tengku Razaleigh Hamzah menyifatkan Tun Ismail sebagai seorang tokoh yang tidak dapat dicari ganti.

"Rakyat Malaysia kehilangan seorang tokoh yang telah banyak berjasa dalam sektor perbankan dan membawa masuk pelaburan. Beliau menyimpan banyak ilmu dan amat dihormati apabila memasuki dewan persidangan-persidangan antarabangsa," kata Tengku Razaleigh.

Tengku Razaleigh berkata Tun Ismail ialah seorang yang berlainan daripada kebanyakan orang lain kerana beliau seorang yang hanya menerima kesempurnaan dan ini terbukti dalam dasar kewangan negara.

"Saya bernasib baik dan bertuah kerana pernah dapat bertugas dan menimba pengalaman dengan beliau, mula-mula sebagai banker dan kemudian sebagai Menteri Kewangan semasa Tun Hussein Onn menjadi Perdana Menteri," katanya ketika ditemui di Tanah Perkuburan Islam Ampang di mana allahyarham disemadikan.

Bekas pengerusi eksekutif Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) Datuk Nik Mohamed Din Nik Yusoff berkata Tun Ismail ialah seorang yang baik hati dan bekerja kuat serta berpegang kepada prinsip menunaikan tugasnya.

Adik Tun Ismail, Datuk Jaafar menyifatkan allahyarham sebagai seorang yang mempunyai perwatakan yang cukup tegas.

"Setiausaha peribadinya lebih mengenali diri allahyarham daripada saudara lelaki dan perempuannya," kata beliau.

-- BERNAMA

ARA MNY FAZ